**Bahagian A**
**[ 20 markah ]**

Jawab semua soalan
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30** minit

1. Alam ghaib ialah alam yang

A boleh dilihat oleh mata kasar
B ditanggapi oleh panca indera
C tidak boleh diyakini dengan iman
D tidak boleh ditanggapi oleh panca indera

2. Kerosakan alam berpunca daripada

i kerosakan tanah dan menebang pokok-pokok
ii pengurusan alam menurut peraturan Allah s.w.t.
iii perburuan dan pembunuhan haiwan
iv pencemaran air, udara dan bunyi

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

3. Berikut ialah nama al-Quran, **kecuali**

A al-Kalam
B al-Furqan
C at-Taurat
D az-Zikir

4. Hadis ialah_____________

A perbuatan dan pengakuan nabi
B percakapan dan perbuatan nabi
C percakapan dan pengakuan nabi
D percakapan, perbuatan dan pengakuan nabi

5. Yang manakah antara pernyataan berikut menerangkan cara menangani budaya asing?.

i Meniru cara barat
ii Mengamalkan cara hidup sihat
iii Mendalami ilmu pengetahuan
iv Menerima berita tanpa ditapis

A i dan ii
B iii dan iv
C ii dan iii
D i dan iv

| |
|---|
| • Realiti bukan khayalan<br>• Menyelesaikan masalah<br>• Menekankan kesederhanaan |

6. Pernyataan di atas merujuk kepada

A prinsip Syumuliyyah
B ciri-ciri Alamiyyah
C prinsip Waqi'iyyah
D kelebihan Murunah

7. Bukti Islam bersifat Alamiyyah dalam bidang ibadat ialah

A tiada paksaan dalam memeluk Islam
B kebebasan memiliki harta yang halal
C hak perlindungan nyawa dan kehormatan
D setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya

8. Antara perkara berikut yang manakah tidak boleh bertoleransi?.

i Sirah nabi
ii Hukum syariat
iii Ibadat khusus
iv Akidah Islamiah

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

9. Antara berikut, yang manakah **bukan** implikasi pengabaian tanggungjawab sosial?

A Perbalahan dan perpecahan keluarga.
B Keharmonian dan perpaduan tergugat.
C Penyelewengan tanggungjawab dan amanah.
D Sumber-sumber alam digunakan sebaik-baiknya.

10.

| |
|---|
| Kegiatan muamalah Islam mengutamakan konsep ta`awun |

Kenyataan manakah menerangkan konsep tersebut

A Seseorang itu mudah mendapat harta yang diingini
B Masyarakat hanya mementingkan kehidupan duniawi
C Semangat ta`awun akan berkembang dalam masyarakat
D Pemegang gadai dapat membantu orang yang dalam kesusahan

11. Berikut adalah persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional

i Memenuhi keperluan hidup manusia
ii Memudahkan manusia mendapat harta
iii Melicinkan urusan kehidupan manusia seharian
iv Melaksanakan sistem ekonomi berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

| |
|---|
| Memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kewangan mereka |

12. Penerangan di atas merujuk kepada

A Al-Musyarakah / al-Murabahah
B Al-Ijarah / al-Bai` bithamanil ajil
C Al-Mudharabah / al-Rahnu
D Al-Wadiah / al-Takaful

13. Ibadat menurut Islam ialah

A Perkataan atau perbuatan yang dilakukan mengikut keupayaan diri
B Perkataan atau perbuatan yang dilakukan mengikut peraturan yang baik
C Pengabdian atau pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk dilihat mulia oleh manusia
D Pengabdian atau pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t

14. Berikut adalah kesan syariat tanpa ibadat **kecuali**

A Ibadat yang dilakukan mendapat perhatian daripada Allah s.w.t
B Menimbulkan huru hara dan salah faham dalam masyarakat
C Merosakkan syariat dan menjadi sia-sia
D Dilaknat oleh Allah s.w.t

15. Antara tanggungjawab isteri ialah

A Memberikan kasih sayang kepada anak-anak
B Mendidik anak dengan didikan yang sempurna
C Membelanjakan harta suami dengan berhemah untuk diri sendiri
D Taat kepada suami dalam perkara yang tidak bertentangan dengan Syarak

16. Hukuman Qisas boleh dijatuhkan kepada penjenayah berikut **kecuali**
A Baligh
B Berakal
C Berniat jahat
D Dilakukan dengan sengaja

17. Nyatakan sumber sampingan penyelesaian masalah menurut Islam selain daripada sumber yang telah disepakati ulama.

i Uruf
ii Sanad
iii Al-Istihsan
iv Al-Masalihul Mursalah

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii,iii dan iv

18. Niat → Keazaman → Tindakan → Tawakkal → Muhasabah

Carta aliran di atas menerangkan:

A Kesan penyelesaian masalah.
B Langkah penyelesaian masalah.
C Amalan dalam penyelesaian masalah.
D Perlakuan dalam penyelesaian masalah.

19. Berikut merupakan cara mewujudkan perpaduan ummah menurut Islam, ***kecuali***:-

A bekerjasama antara satu sama lain.
B bertoleransi dalam semua perkara.
C sayang-menyayangi antara satu sama lain.
D hormat-menghormati antara satu sama lain.

20. Punca utama berlakunya masalah perpecahan umat ialah:

i kelemahan iman dan takwa kepada Allah.
ii hidup dalam kemiskinan.
iii tiada kesedaran untuk mempertahankan Islam.
iv lemah dalam penguasaan ilmu sains dan teknologi.

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

*Untuk kegunaan pemeriksa*

**Bahagian B**

[20 *markah*]

**Soalan 21 – 28**

*Tulis* ***istilah yang bersesuaian*** *dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.*

| | | |
|---|---|---|
| 21. Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang tinggi darjatnya di sisi Allah s.w.t. | | 1 |
| 22. Tempat yang penuh dengan siksaan dan azab. | | 1 |
| 23. Mengeluarkan harta tertentu, pada kadar tertentu, diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat syarat tertentu. | | 1 |
| 24. Penceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar gantirugi kepada suami. | | 1 |
| 25. Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa bukti. | | 1 |
| 26. Merupakan sumber utama penyelesaian masalah kehidupan manusia. | | 1 |
| 27. Berserah diri kepada Allah SWT setelah berusaha | | 1 |
| 28. Mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. | | 1 |

*Untuk kegunaan pemeriksa*

**Soalan 29 – 32**

*Lengkapkan pernyataan yang berikut.*

29. Rasul tidak pernah melakukan maksiat kerana mereka memiliki sifat ________________. 1

30. ________________ ialah hukuman yang ditentukan oleh pihak mahkamah yang hukumannya tidak ditentukan dalam al-Quran dan al-Hadis. 1

31. __________________ ialah persetujuan atau kesepakatan antara ulama mujtahid umat Muhammad SAW mengenai sesuatu hukum syarak pada masa tertentu. 1

32. Golongan _________________ tidak mampu mengurus harta kerana tidak mampu menilai dengan sempurna. 1

**Soalan 33 – 34**

*Lengkapkan dengan jawapan yang sesuai.*




33. **P** : __________________________ 1

34. **Q** : __________________________ 1

*Untuk kegunaan pemeriksa*

**Soalan 35 – 36**

*Lengkapkan carta di bawah.*




33. **X** : ______________________________ 1

34. **Y** : ______________________________ 1

**Soalan 35 – 40**

*Tandakan **( √ )** pada pernyataan yang **betul**.*
*Tandakan **( X )** pada pernyataan yang **salah**.*

37. Meninggalkan perkara haram mendapat pahala dan nikmat syurga [ ] 1

38. Ibadat yang dilakukan tidak perlu terikat dengan syariat Islam [ ] 1

39. Fasakh ialah penceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar ganti rugi kepada suami [ ] 1

40. Hukuman qisas tidak boleh dijatuhkan ke atas orang yang berniat jahat [ ] 1

*****SOALAN TAMAT*****

**KERTAS JAWAPAN**

**NAMA : ____________________________________________ TING : ________**

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 21 | ____________________ |
| 2 | A | B | C | D | 22 | ____________________ |
| 3 | A | B | C | D | 23 | ____________________ |
| 4 | A | B | C | D | 24 | ____________________ |
| 5 | A | B | C | D | 25 | ____________________ |
| 6 | A | B | C | D | 26 | ____________________ |
| 7 | A | B | C | D | 27 | ____________________ |
| 8 | A | B | C | D | 28 | ____________________ |
| 9 | A | B | C | D | 29 | ____________________ |
| 10 | A | B | C | D | 30 | ____________________ |
| 11 | A | B | C | D | 31 | ____________________ |
| 12 | A | B | C | D | 32 | ____________________ |
| 13 | A | B | C | D | 33 | ____________________ |
| 14 | A | B | C | D | 34 | ____________________ |
| 15 | A | B | C | D | 35 | ____________________ |
| 16 | A | B | C | D | 36 | ____________________ |
| 17 | A | B | C | D | 37 | ____________________ |
| 18 | A | B | C | D | 38 | ____________________ |
| 19 | A | B | C | D | 39 | ____________________ |
| 20 | A | B | C | D | 40 | ____________________ |